



TERM melihat keadaan tembok rumahnya yang roboh dan terjejas teruk akibat tanah mendap di Taman Bukit Kajang Baru, Kajang.

'Keadaan di sini selesa bagi kami'

Rawang: Sebuah pusat pemindahan dibuka di Dewan Serbaguna Batu 17, Taman Jasa sebagai penempatan sementara enam keluarga susulan kediaman mereka rosak teruk akibat tebing Sungai Rawang runtuh, petang Jumaat lalu.

Seramai 30 mangsa yang juga penghuni Taman Bersatu di sini, ditempatkan di dewan berkenaan sehingga Jumaat ini, sementara menunggu pejabat daerah mendapatkan rumah sewa buat mereka.

Salah seorang mangsa, Khirudin Haron, 48, berkata, dia bersama lima lagi keluarga disediakan khemah untuk keselesaan mereka selama lima hari di situ.

"Alhamdulillah, keadaan

di sini selesa bagi kami. Bekalan makanan juga turut disediakan tiga kali sehari oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Dalam sesi lawatan pegawai daerah, beliau mengumumkan akan berusaha mendapatkan rumah sewa buat mangsa terjejas di kawasan Rawang Putra di sini," katanya.

Menurutnya, penguat kuasa Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Gombak berawal 24 jam di kawasan kediaman mereka bagi menjaga harta benda yang ditinggalkan.

Dalam kejadian jam 4.30 petang Jumaat lalu, lapan rumah penduduk mengalami keretakan teruk terutama di bahagian dapur akibat runtuhnya tebing Sungai Rawang.